



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 OKTOBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MISTERI 'KEHILANGAN' BENIH PADI, DLM NEGERI, UM-8 AKTIVITI PERTANIAN PUNCA BERLAKU BANJIR, NEGERI, SH-25 PM PERLU CAMPUR TANGAN ISU PETANI DIUSIR, NEGERI, SH-25 INISIATIF TAMPUNG BEKALAN, NEGERI, SH-23 MAT SABU: LOCAL RICE SUPPLY SHORTAGE ISSUE TO BE SOLVED SOON, NATION, SIN CHEW DAILY -6 MAT SABU: RICE SHORTAGE EXPECTED TO BE RESOLVED IN NEAR FUTURE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	KKM NASIHAT PEMILIK HAIWAN DAPATKAN VAKSIN RABIES, NEGARA, KOSMO-14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10. 11.	JURUTERA TUKAR KARIER JADI PENTERNAK LOBSTER, NEGARA, KOSMO -18 ANWAR REMINDED OF FARMERS IN HIS CONSTITUENCY BEING EVICTED, NATION, SIN CHEW DAILY -10 RICE SHORTAGE ISSUE TO IMPROVE AS HARVEST SEASON ALMOST OVER IN KEDAH, NATION, CHINA PRESS -A3 PLAN TO EXPAND PINEAPPLE INDUSTRY BOARD'S PURVIEW, NATION, CHINA PRESS -A3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Misteri 'kehilangan' benih padi

ALOR SETAR: Langkah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyelaraskan harga kawalan maksimum baharu bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) belum mampu menyelesaikan misteri 'kehilangan' benih padi sah yang sukar diperolehi.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, ketika ini Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus berdepan kesukaran mendapatkan benih padi untuk dijual kepada petani pada harga sepatutnya iaitu RM45 sekampit.

Sebaliknya kata beliau, bekalan benih itu wujud pula di kedai-kedai tertentu dengan harga cukup mahal iaitu sehingga RM60 sekampit.

"Masalah ini seakan-akan tidak berkesudahan. Setiap kali PPK bertanya kepada pengilang, mereka beri pelbagai alasan antaranya benih masih belum diluluskan Jabatan Pertanian tetapi di kedai-kedai biasa ada pula benih yang dijual melebihi harga siling ditetapkan kerajaan.

"Jadi di mana sebenarnya pihak berkuasa dalam hal ini? Seolah-olah tiada langkah proaktif diambil bagi mengatasi masalah itu walaupun ia sudah berlaku sejak sekian lama.

"Dalam keadaan sekarang, nampaknya terdapat pihak tertentu yang sudah naik lemak dan besar kepala hingga tak pedulikan keputusan kerajaan mengenai harga siling benih padi. Kalau ini keadaannya, siapa yang hendak bela nasib petani?" Soalnya ketika dihubungi semalam.

Katanya, ketika ini petani mempunyai persepsi pengilang hanya membekalkan BPS kepada rangkaian tertentu bagi meraih keuntungan lebih.

"Sudahlah mereka terima subsidi daripada kerajaan, kemudian jual mahal pula kepada petani. Teruklah golongan petani," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Aktiviti pertanian punca berlaku banjir

Penduduk rayu Anwar campur tangan segera selesaikan masalah

Oleh SAIFULLAH AHMAD IPOH

Penduduk Taman Chepor Sentosa, Chemor di sini merayu campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menyelesaikan isu banjir kilat yang berterusan di kawasan perumahan berkenaan dipercayai disebabkan aktiviti pertanian berhampiran.

Seorang penduduk, Isa Shamsuddin, 50, berkata, penduduk sudah tidak tahan lagi menghadapi isu berkenaan saban tahun kerana tidak nampak sebarang penyelesaian.

Katanya, perjumpaan telah dilakukan

Sebahagian penduduk merujuk kawasan pertanian berhampiran Taman Chepor Sentosa yang diadakwa menjadi punca berlakunya banjir kilat di kawasan berkenaan.



beberapa kali bersama pihak pejabat daerah dan tanah, Majlis Bandaraya Ipoh serta pemaju yang memiliki tanah tersebut tetapi jawapan mereka isu berkenaan sedang dalam tindakan mahkamah.

"Sampai bila kita nak tunggu? Urusan mahkamah itu tak melibatkan penduduk pun, yang kita mahu tahu apa penyelesaian terhadap isu banjir ini kerana sampai sekarang tak selesai.

"Jadi kita rayulah Perdana Menteri sebab ini kawasan beliau, ambillah langkah segera atasi banjir ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini pada Khamis.

Seorang lagi penduduk, Halimah Bahazim, 60, berkata, sejak tiga tahun tinggal di kawasan tersebut hidupnya tidak pernah tenang.

Katanya, setiap kali hujan air akan naik di hadapan rumah dan selapas surut, sisa pasir serta lumpur ditinggalkan di atas jalan berhampiran rumah.



Keadaan longkang di taman perumahan berkenaan yang dipenuhi pasir akibat banjir kilat yang berlaku setiap kali hujan lebat.

"Rumah kami yang berhampiran kebun ini sentiasa berselut setiap kali hujan lebat. Jalan jadi macam sungai, kemudian longkang penuh dengan pasir.

"Memang dah tak selesa duduk sini. Dengan umur macam ini memang tak larat nak cuci," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Penduduk Taman Chepor Sentosa, Farriz Izzwan Khairulnauar berkata, selain banjir kilat, kerosakan infrastruktur juga dialami penduduk disebabkan aktiviti pertanian ha-

ram berhampiran taman perumahan tersebut.

Menurutnya, masalah itu sudah disuarakan beberapa kali, malah surat dan memorandum juga telah dihantar kepada pihak berkaitan supaya tindakan dapat diambil sebelum keadaan menjadi lebih parah.

Bukan itu sahaja, malah pencemaran bau juga dialami penduduk setiap kali proses membaja dan meracun dibuat di kawasan pertanian tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	25

PM perlu campur tangan isu petani diusir

JOHOR BAHRU - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu perlu campur tangan menghentikan operasi memusnahkan tanaman petani di Kanthan, Tambun, Perak.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, mereka wajar menyelesaikan isu

petani-petani tidak bertanah itu yang berlaku di kawasan yang diwakili Anwar sendiri sebagai Ahli Parlimen Tambun.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) berkaitan keterjaminan makanan menyeru Kerajaan Madani supaya memberikan tanah kepada mereka dan juga petani-petani yang tidak bertanah di seluruh negara untuk menghasilkan tanaman makanan.

“Usaha produktif petani-petani tersebut sepatutnya disokong oleh kerajaan, sama ada kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri.

“Sebaliknya petani-petani itu diusir



HASSAN

secara paksa, dikasari oleh pihak yang berkuasa dan ditahan pada Selasa lepas,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, kerajaan negeri Perak dalam kenyataan sebelum ini telah memperuntukkan RM700,000 bagi mewujudkan kawasan baharu sebagai lokasi alternatif untuk aktiviti pertanian kepada sekumpulan petani setinggan


yang menduduki tanah milik Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK).

Ketua Eksekutif PKNPK, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak berkata, inisiatif itu sekali gus menafikan dakwaan kononnya kerajaan negeri Perak menganiaya sekumpulan petani setinggan yang melakukan aktiviti pertanian secara haram di atas tanah milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu.

Menurutnya, bagaimanapun tawaran supaya mereka berpindah ke kawasan baharu itu ditolak oleh kumpulan berkenaan setelah beberapa rundingan diadakan bersama pihak PKNPK.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	23

Inisiatif tampung bekalan beras



Kerajaan negeri Pahang bekerja rapat dengan Kawal Selia Padi dan Beras untuk mencari kaedah sesuai bagi membantu rakyat negeri itu dalam menangani isu kekurangan bekalan beras tempatan.

Pahang terima 900 tan metrik beras putih tempatan dari Kedah dan Kelantan

Oleh NIK AMIRUMUMIN
NIK MIN
KUANTAN

Pahang telah menerima 900 tan metrik bekalan beras putih tempatan untuk keperluan pasaran di negeri ini. Bekalan beras diterima dari Kedah dan Kelantan di bawah Program Pelepasan Beras Putih Tempatan itu diagihkan kepada lima syarikat pembekal yang dilantik untuk diedarkan.

Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Pahang, Hamizan Musa berkata, lima syarikat pembekal telah dilantik iaitu dua di Kuantan manakala masing-masing satu di Jengka, Maran dan Triang.

Menurutnya, setiap syarikat akan menerima bekalan sama rata antara 100 hingga 200 tan metrik kali ini.

"Bekalan beras seterusnya akan diterima secara berperingkat setiap bulan bergantung kepada musim tuaian di negeri-negeri pengeluar beras di seluruh negara yang lain seperti Kelantan, Terengganu, Selangor dan Perak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Pelepasan Beras Putih Tempatan ke pasaran oleh salah sebuah syarikat pembekal, Mumtaz Iman Sdn Bhd di Indera Mahkota di sini pada Khamis. Program disempurnakan oleh



Hamizan (depan, tengah) bersama Mohd Faris (kiri) meninjau bekalan beras yang diterima dari Kedah dan Kelantan di bawah Program Pelepasan Beras Putih Tempatan di Indera Mahkota, Kuantan pada Khamis.



Setiasaha Politik Menteri Besar Pahang, Mohd Farid Mohd Nor.

Tambah Hamizan, program itu merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi memastikan keberadaan beras tempatan di pasaran.

"Melalui bekalan beras putih tempatan yang diterima kali ini diharapkan ia dapat mengatasi masalah kekurangan beras jenis itu dalam pasaran tempatan.

"Walaupun tidak dapat menyelesaikan masalah itu sepenuhnya, sekurang-kurangnya langkah ini dapat memastikan bekalan beras tempatan sentiasa ada di pasaran," katanya.

Justeru, beliau menasihatkan

para pengguna agar membeli beras mengikut keperluan dan tidak melakukan pembelian panik yang menjadi antara punca gangguan bekalan bahan makanan ruji itu di pasaran.

Sementara itu, Mohd Farid berkata, kerajaan negeri menggalakkan langkah kerajaan dalam usaha menstabilkan bekalan beras putih tempatan di seluruh negara termasuk di Pahang.

Menurutnya, program itu sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah kekurangan beras tempatan di seluruh negara sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

"Kerajaan negeri sentiasa bekerja rapat dengan pihak Kawal Selia Padi dan Beras untuk mencari kaedah sesuai bagi membantu rakyat dalam isu kekurangan bekalan beras tempatan ini," ujarnya.

Headline	Mat Sabu: Local rice supply shortage issue to be solved soon		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 Oct 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	111 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,472
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,417



末沙布：吉收割期至月底 本地米荒將解決

（吉隆坡26日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，由于吉打州稻米收割期将于10月杪结束，预料本地白米荒的问题将在近期内获得解决。

他昨日以国会书面回答行动党亚沙区国会议员谢琪清的提问时说，政府已经落实各项干预措施，以解决白米供应问题，如今已开始显现成效。

他举例，截至10月16日，该部通过本地白米特别计划向超市、联邦农业销售局（FAMA）、农民组织局（LPP）和

各州批发商分发102万7739袋10公斤的本地白米。

他指出，本地白米供应短缺是直接受到进口白米市场价格上涨的影响，截至2022年8月，进口白米的全球市场价格已上涨60%。

“其他原因如马币令吉疲弱、印度限制白米出口，从而加剧（白米供应短缺）的情况。

他表示，国家稻米公司（BERNAS）于9月1日调整进口白米的价格，导致本地白米的需求大幅增加。

他说，政府所控制的本地白米价格为每公斤2令吉60仙，比市场上不受价格管制的进口白米便宜，这也使到不少消费者选择从进口白米转换为本地白米，让市场上的进口白米供应减少。

Headline	Mat Sabu: Rice shortage expected to be resolved in near future		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	27 Oct 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,075



末沙布：政府干预见效 米荒料近期可解

(吉隆坡 26 日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，政府对白米供应采取干预措施后取得成效，国内白米短缺问题有望在近期获得解决。

他说，本月 16 日，该国通过

本地白米特别计划向超市、联邦农业销售局 (FAMA) 和农民组织委员会 (LPP) 已通过各州批发商分配了 102 万 7739 袋 10 公斤的本地白米。

“进口白米市场价格上涨是导

致本地白米供应短缺主要原因，截至 2022 年 8 月，进口白米的全球市场价格已上涨 60%。其他原因如马来西亚令吉走弱、印度面对出口白米的限制也加剧了问题。”

莫哈末沙布昨日以国会书雷回答行动党亚沙国会议员谢琪琪的提问时说，政府所采取的各项干预措施以解决白米供应问题，如今也已取得成效。

他说，吉打州稻米收割期将于

10 月杪结束。

他表示，国家稻米公司 (Bernas) 在 9 月 1 日调整进口白米的价格后，进口白米的需求也大幅增加。

“政府控制本地白米价格为每公斤 2 令吉 60 仙，比不受价格管制的进口白米便宜，也促使消费者从购买进口白米转换为本地白米。”

莫哈末沙布



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2023	KOSMO	NEGARA	8

KKM nasihat pemilik haiwan dapatkan suntikan vaksin rabies

JOHOR BAHRU – Kementerian Kesihatan (KKM) menasihati pemilik haiwan di negara ini untuk memastikan haiwan-haiwan peliharaan mereka telah mendapatkan suntikan rabies.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, langkah itu sebagai usaha pencegahan bagi memastikan penyakit berkenaan terus terkawal di negara ini.

Menurut beliau, keadaan rabies di Sarawak ketika ini agak membimbangkan apabila boleh digelar sebagai wabak.

“Situasi rabies di semenanjung terkawal, sejak 2020 hingga 2023 hanya terdapat tiga kes direkodkan di Selangor, namun di Sarawak ia lebih kritikal, sejak 2020 hingga 2023 terdapat 75 kes direkodkan dan dalam tahun ini sahaja, terdapat 17 kes baharu dengan 15 kematian direkodkan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Sukan Kebangsaan KKM Sempena Bulan Malaysia Sihat Sejahtera di Stadium Mount Austin, di sini semalam.

Sementara itu, Lukanisman turut memberitahu, langkah-langkah pencegahan telah dijalankan kerajaan negeri Sarawak



LUKANISMAN

termasuk melalui Jabatan Veterinar yang menjalankan program suntikan vaksinasi terhadap haiwan peliharaan.

“Difahamkan Jabatan Veterinar dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan ada membuka kaunter supaya pemilik haiwan peliharaan boleh datang dan mendaftarkan haiwan mereka untuk mendapatkan suntikan.

“Bagi haiwan liar pula, suntikan vaksinasi akan dibuat apabila pihak berkenaan menerima aduan. Ini penting kerana anjing khususnya mereka bergerak dalam kumpulan dan sering masuk kawasan kediaman.

“Kita bimbang mereka akan serang dan gigit khususnya orang berusia dan kanak-kanak, jadi usaha pencegahan rabies perlu dibuat secara teratur,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/10/2023	KOSMO	NEGARA	18



HAFIZUL menunjukkan ternakan lobster air tawar yang diusahakan di rumahnya di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi, Pontian.

Jurutera tukar karier jadi penternak lobster

PONTIAN – Keputusan seorang pemuda meninggalkan kerjaya jurutera untuk menjaga bapanya yang diserang angin ahmar membuka laluan kepada lelaki itu untuk bergelar penternak lobster air tawar.

Hafizul Alief Abu Bakar, 32, berkata, dia melepaskan pekerjaan profesional itu sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan untuk memberikan perhatian kepada bapanya yang diuji masalah kesihatan.

Menurutnya, sebelum terlibat ternakan lobster air tawar di bawah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Ogos lalu, dia terlebih dahulu menternak 2,000 ekor ayam kampung.

“Saya sertai program itu bagi menggantikan peserta lain yang tidak dapat teruskan atas sebab tertentu.

“Sebagai peserta, saya perlu sediakan tapak dan infrastruktur, manakala kolam kanvas, anak (benih) lobster disediakan

oleh UTM. Kami juga diberikan taklimat mengenai penjagaan ternakan ini,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Puteri Menangis, Ayer Baloi, di sini baru-baru ini.

Jika tiada masalah, lobster itu boleh dituai pada Mac 2024 dengan anggaran berat seekor 1 kilogram (kg) hingga 1.5kg.

“Ada tiga kaedah pemasaran iaitu jual 100 peratus hasil kepada UTM, menjual 50 peratus atau peserta jual sendiri. Harganya pula RM50 hingga RM110 bagi berat 1.5kg,” ujarnya.

Ternakan itu memakan dedak atau palet. Selain lobster segar, peserta juga diberikan peluang memasarkan anak benih kepada penternak lain.

“Setakat ini ternakan lobster berjalan dengan baik walaupun ada yang mati, tetapi saya berpuas hati dengan usaha awal ini sebagai satu sumber pendapatan baru kepada masyarakat di luar bandar,” ujarnya.

Headline	Anwar reminded of farmers in his constituency being evicted		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	10	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,566
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,698



哈山卡林提醒安華 “選區農民遭驅趕”

（新山26日讯）公正党巴西古当区国会议员哈山卡林提醒首相拿督斯里安华，他的选区的农民正面临遭驱逐的命运。

他说，霹靂州拱桥工业区农民遭驱赶事件，以及摧毁农民农作物的行动不应发生在首相的选区，因为首相长久以来都在捍卫穷人和百姓的权益。

吁请首相拿督斯里安华，以及农业及粮食安全部长莫哈末沙布插手霹靂州拱桥工业区农民遭驱赶的事件，同时阻止执法人员摧毁农民种植的农作物。

哈山卡林今日在文告中表示，首相现在忙于国家行政事务，以及以巴冲突问题，或许他未察觉，自己国会选区的选民也遭遇暴政。

他说：“如果巴勒斯坦人民向以色列索回他们被抢走的土地、独立的权利，拱桥工业区的农民则要求他们能继续在原有的土地耕作、饲养家禽，因为这是他们自祖辈开始，80年来赖以生土地。”

他吁请安华和农业及粮食安全部长莫哈末沙布插手拱桥工业区农民遭驱赶的事件，同时阻止执法人员摧毁农民种植的农作物。

他希望从年轻时便不断为贫穷农民权益斗争的安华和莫哈末沙布，解决霹靂州拱桥工业区农民，以致全国农民的问题。

吁拨土地给没耕地农民

哈山卡林吁请昌明政府拨出土地给国内没有土地的农民，以便为国家生产粮食。这是农业领

哈山卡林吁请安华和末沙布插手拱桥农民遭驱赶的事件，同时阻止执法人员摧毁农作物。



域的一项改革。

“我需要为拱桥工业区的农民发声，以捍卫他们的权益，尤其是他们是在首相所属的国会选区。”

哈山卡林表示，拱桥工业区的农民在25英亩的土地上种植玉蜀黍、菜心等，每日采收的蔬菜达60吨，因此他们的努力理应获得联邦和州政府的支持。

他说：“事与愿违，农民遭驱赶，受到不礼貌的对待和遭扣留。这些农民已在有关土地上劳作了三代。”

他表示，有关农民曾于去年9月来到国会，想见他们的国会议员兼首相安华一面，同时提呈备忘录，希望不会被驱赶。


农民仅希望租赁土地

他说：“农民没有要求土地拥有权、没有要求地契，他们只是希望租赁有关土地，以便合法地耕种。农民不是非法占用土地，他们是开垦者。”

“遗憾的，他们没有见到首相兼他们的国会议员，他们在通往国会大厦的路上遭保全人员不礼貌地驱赶。贫穷的人民和农民已成为执政者的威胁。”

“最终，备忘录只能交给首相的代表。不确定有关备忘录，是否交给了首相。”

Headline	Rice shortage issue to improve as harvest season almost over in Kedah		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,545
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,635



吉稻米收割期近尾聲 農長：緩解短缺



■莫哈末沙布

（吉隆坡26日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，由于打的稻米收割期将于10月尾结束，因此本地白米短缺的问题将在近期内得到缓解。

他说，政府为解决白米供应问题，已落实各项干预措施，如今已开始显现成效。

他举例，截至今年10月16日，该部通过本地白米特别计划向超市、联邦农业销售局、农民组织局和各州批发商分发102万7739袋10公斤的本地白米。

莫哈末沙布昨日在国会下议院，书面回答希盟行动党亚沙区国会议员谢琪清的提问时说，本地白米供应短缺的直接原因是进口白米市场价格上涨，截至2022年8月，进口白米的全球市场价格已上涨60%。

“其他原因如令吉疲弱、印度对白米的出口限制，从而加剧（白米供应短缺）的情

况。”

他补充，国家稻米公司于9月1日调整进口白米的价格，导致本地白米的需求大幅增加。

“因为政府所控制的本地白米价格为每公斤2令吉60仙，比市场上不受价格管制的进口白米便宜，这导致消费者选择从进口白米转换为本地白米，让市场上的本地白米供应减少。”

此外，莫哈末沙布指出，我国在2020年、2021年和2022年的本地白米产量分别为162万4468公吨、168万6368公吨和157万4960公吨。

至于今年首季度的白米产量，他说，由于仍有一些地区未收割，因此暂时无法汇报有关季度的白米产量。

莫哈末沙布书面回答国盟土团党巴东色海区国会议员阿兹曼的提问时，这么指出。

Headline	Plan to expand Pineapple Industry Board`s purview		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	126 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,485
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,455



推廣其他高價值水果 擬擴大黃梨工業局權限

(吉隆坡26日讯)农业及食品安全部副部长拿督陈泓缜指出, 该部有意扩大大马黄梨工业局的权限范围, 推广黄梨以外的高价值热带水果, 如椰子和榴槤。

他今日在面子书写道, 内阁国家粮食安全委员会昨日开会, 谈及多项与粮食安全议程有关的重

要议题, 其中一项就是扩大黄梨工业局的权限。

椰子自供自足

他说, 在2022年, 黄梨及榴槤的自供自足水平已经达标, 分别是102.5%及108.9%, 而椰子的自供自足水平亦有71.6%。

“这类高价值热带水果不仅限于满足本地市场, 而是以出口和扩大国际市场为发展导向, 带动国家农业经济活动, 进一步缩小与其他国家之间的贸易逆差。”

他补充, 一旦黄梨工业局扩大权限至其他高价值水果, 则也会有相应的条规和程序来规划和发展相关的水果, 包括鼓励大规模种植、现代化技术转移、高品质要求及安全卫生标准等。

“我相信, 本地果农和业者们也会积极配合, 一同与政府朝著同一个方向前进。”